

TP
368
583
2013
v.6

*Senja gemilang bayu berpuput,
Gugur kenanga di celah jerami,
Besarlah hati kami menyambut,
Tuan bertamu ke sekolah kami.*

Seluruh warga SSMP berasa amat berbesar hati dan bangga dengan kunjungan Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor ke Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan pada 5 Mei 2013 yang lalu. Turut serta dalam lawatan ini adalah Pn. Dayang Rukiah Awg Amit, Ketua Pustakawan UMS, En. Luqman Ridha Bin Anwar, Timbalan Pendaftar Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UMS. Lawatan kerja oleh delegasi YBhg. Prof Datuk NC telah disambut oleh YBrs. Dekan SSMP, Prof Madya Dr. Sharifudin Md Shaarani dan seluruh warga SSMP. Lawatan ini bertujuan untuk mendekati semua kakitangan akademik dan pengurusan secara terus dan beramah mesra serta memberi amanat penting mengenai hala tuju dan cabaran UMS pada masa akan datang. Sesi lawatan bermula dengan ucapan aluan dan taklimat ringkas mengenai visi, misi, pencapaian dan penyelidikan di SSMP oleh Ybrs. Dekan. Yang Berbahagia Datuk NC juga sempat membuat tinjauan ke makmal perkhidmatan makanan, kilang perintis dan makmal coklat.



Lawatan Kerja

*Y.Bhg Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah,
Naib Canselor UMS*

